




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor



**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor

**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**

MS. FAKHIRA JAFRI

MS. CINDY ROBERT

MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI

MS. SHIRLEY CLARE JERI

Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**

Records & Archives

MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design

MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster

**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**

Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Pemerkasaan Gerakan Pengguna Siswa Peringkat Sarawak 2026 Perkasa Kesedaran Kepenggunaan

Penulis: Muhammad Ahnaf Khairul Syahmi dan Arif Azizi Che Harun

Program Pemerkasaan Gerakan Pengguna Siswa Peringkat Sarawak 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 27 hingga 29 April 2026 bertempat di Keranji Borneo Farm, Bau, Kuching. Program ini dianjurkan di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memperkasa peranan mahasiswa sebagai pengguna yang bijak dan berpengetahuan. Seramai 24 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada wakil pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).



Setiap institusi diwakili oleh dua orang peserta, menjadikan program ini sebagai platform interaksi dan pertukaran idea dalam kalangan mahasiswa dari pelbagai latar belakang. Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti menarik dan bermaklumat seperti *Ice Breaking* dan Pertandingan *War Cry*, yang bertujuan memupuk semangat kerjasama dan kreativiti dalam kumpulan. Selain itu, Cabaran Intellektual Pengguna turut diadakan bagi menguji pemikiran kritis peserta dalam menangani isu-isu kepenggunaan semasa. Program ini turut diserikan dengan Kuiz Kahoot Kepenggunaan yang interaktif dan menguji pengetahuan peserta secara santai namun kompetitif.

Wakil dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah iaitu Dzul Azrai Azrey bin Mohtar@Johari dan Muhammad Ahnaf bin Khairul Syahmi telah menunjukkan prestasi cemerlang apabila berjaya meraih Naib Johan bagi keseluruhan aktiviti program. Pencapaian ini membuktikan komitmen dan keupayaan mahasiswa UiTM dalam bidang kepenggunaan.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Matthew anak Dominic Barin, Pengarah KPDN Sarawak, menekankan kepentingan kesedaran pengguna dalam kalangan generasi muda sebagai pemacu kepada masyarakat yang lebih berdaya saing dan berpengetahuan.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektifnya dalam melahirkan mahasiswa yang peka terhadap hak dan tanggungjawab sebagai pengguna, di samping mengukuhkan jaringan kerjasama antara institusi pengajian tinggi di Sarawak.



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

